

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatkah Kerajaan membuat kajian untuk kemudahan dan pembangunan industri menggunakan tenaga gas di daerah-daerah terpencil di Sarawak dengan adanya kemudahan "T" yang disediakan untuk menyalurkan gas ke daerah-daerah di Sarawak yang dilintasi saluran gas dari Kimanis, Sabah ke Bintulu, Sarawak khususnya Lawas, Limbang dan Baram agar tidak ketinggalan pembangunannya dari segi perindustrian.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan dan pembangunan saluran paip ke daerah-dearah terpencil mestilah berdasarkan permintaan yang signifikan dan daya maju ekonomi dari pembangunan tersebut. Buat masa ini, berdasarkan kepada analisis faedah kos, pilihan yang paling berdaya maju untuk semua pihak adalah untuk memperuntukkan bekalan gas sepenuhnya untuk penghasilan gas cecair asli (LNG) yang membawa nilai yang terbaik untuk Sarawak.

Bagi memenuhi keperluan bekalan gas asli tambahan, ia akan bergantung kepada pembangunan kawasan gas asli domestik yang baru dan hanya dapat dibekalkan pada harga pasaran gas semasa dan tertakluk kepada terma dan syarat yang akan dipersetujui bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti minyak dan gas yang dibangunkan oleh PETRONAS di Sarawak adalah antara yang terbesar di Malaysia yang kini merangkumi lebih daripada 50 medan minyak dan gas yang sedang melaksanakan aktiviti pengeluaran (*producing oil & gas fields*).

Antara aktiviti *downstream* PETRONAS di Sarawak pula adalah:

1. Kompleks LNG PETRONAS di Bintulu (lebih 30 tahun lalu) yang merupakan salah sebuah kompleks LNG yang terbesar di dunia;

2. Loji ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF) di Bintulu yang kini merupakan salah sebuah pengeluar urea terbesar di rantau ini;
3. pembangunan Miri sebagai kluster minyak dan gas di mana Miri merupakan pangkalan aktiviti hulu di Sarawak, sebagai *base* sokongan operasi dan penyelenggaraan bagi aktiviti-aktiviti luar pesisiran (*offshore*); dan
4. cadangan beberapa projek mega baru di Sarawak termasuklah projek Train 9 (tambahan modul LNG di Kompleks LNG PETRONAS), Sabah -Sarawak Pipeline Project (SSGP) dan juga projek Floating LNG 1.

Pelaburan dalam industri minyak dan gas berskala besar ini dijangka akan merangsang lagi pertumbuhan ekonomi negeri yang akan membuka peluang kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan lagi negeri tersebut.

Sekian. Terima kasih.